

Unit 1:**PENGENALAN KEPADA KURIKULUM
PERMATA NEGARA**

Topic 1:

Latar Belakang, Falsafah, Matlamat dan Objektiv Kurikulum PERMATA



Hasil Pembelajaran

Setelah selesai Topik 1, anda akan dapat:

1. Menceritakan tentang asal-usual pertubuhan Kurikulum PERMATA
2. Menerangkan falsafah, matlamat dan objektif-objek Kurikulum PERMATA
3. Menghuraikan enam hasil pembelajaran Kurikulum PERMATA
4. Menentukan nilai-nilai murni yang ingin disemaikan dalam kalangan kanak-kanak
5. Mengenal pasti ciri-ciri anak PERMATA Negara

Ringkasan Topik

- 1.1 Apakah Maksud Kurikulum PERMATA?
 - 1.2 Asal-Usual pertubuhan Kurikulum PERMATA
 - 1.3 Pentingnya Pendidikan Awal
 - 1.4 Falsafah Pendidikan Kebangsaan
 - 1.5 Falsafah, Matlamat dan Objektif Kurikulum PERMATA
 - 1.6 Enam Hasil Pembelajaran Kurikulum PERMATA
 - 1.7 Nilai Murni Yang Ingin Disemaikan
 - 1.8 Ciri-Ciri Anak PERMATA Negara
 - 1.9 Keistimewaan Program PERMATA NEGARA
- PERKATAAN PENTING
RUJUKAN

1.1 Apakah Maksud Kurikulum PERMATA?

Dua perkataan penting perlu diperjelaskan – KURIKULUM dan PERMATA

Istilah kurikulum dipinjam daripada perkataan Inggeris 'curriculum' yang merupakan suatu dokumen yang menyatakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak disampaikan kepada pelajar. Dengan perkataan lain, kurikulum menyatakan



- *apa yang harus diajar, (what to teach)*
- *bagaimana ia harus diajar dan (how to teach)*
- *bagaimana pencapaian murid ditaksir (how to assess)*

Contohnya, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ialah kurikulum yang dicadangkan untuk tadika.

Istilah PERMATA merujuk kepada kanak-kanak yang diandaikan seperti 'permata' yang sangat berharga yang dianugerahi Tuhan.

PERMATA

Batu permata yang digali daripada perut bumi kelihatan sebagai batu biasa. Hanya setelah dipotong dan digilap permukaannya kepada beribu-ribu sudut barulah ia memantul atau mereflek cahaya menjadi bersinar-sinar.



EVERY CHILD IS PRECIOUS

*Indah Sulaman Selendang Sutera
Dipakai oleh gadis jelita
Anak-anak kita umpama permata
Jika digilap pasti tinggi nilainya*

Lirik Lagu PERMATA:

Semenjak didalam kandungan lagi
Dibekalkan Tuhan bakat tersendiri
Seawal usia perhatian harus diberi
Dewasanya kelak teguh peribadi

Kanak-kanak permata berharga
Jika digilap pasti berjaya
Umpama benih disemai dibaja
Kecenderungannya usah dipersia

Kanak-kanak permata bahagia
Kami lah harapan Malaysia tercinta
Siapa kami di masa hadapan
Asasnya didikan serta dorongan

Kanak-kanak permata berharga
Jika digilap pasti berjaya
Umpama benih disemai dibaja
Kecenderungannya usah dipersia

Kanak-kanak permata bahagia
Kami lah harapan Malaysia tercinta
Siapa kami di masa hadapan
Asasnya didikan serta dorongan

Pencipta: Pak Ngah

Lirik: Habsah Hassan

Aktiviti

- Dengar lagu PERMATA daripada klip video dan nyanyi bersama-sama
- Jelaskan maksud setiap rangkap lirik lagu.

1.2 Asal-Usul Kurikulum PERMATA

Sudah tentu, sebagai Pengasuh TASKA, anda pernah mendengar tentang Kurikulum PERMATA. Mungkin anda kini sedang menggunakan kurikulum PERMATA di taska anda. Kurikulum PERMATA muncul daripada kesedaran bahawa tidak ada kurikulum teratur untuk kanak-kanak berumur 4 tahun ke bawah. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak yang diperkenalkan pada tahun 1984 telah mengadakan peraturan yang rapi untuk penubuhan sesuatu taska tetapi tidak ada program untuk kanak-kanak dalam lingkungan umur tersebut.

- **Pada 2004** - Kurikulum PERMATA Negara dikonsepsikan pada tahun 2004/2005 oleh sekumpulan pakar yang diketuai oleh **Datin Seri Rosmah Mansor**, isteri YAB Timbalan Perdana Menteri (pada masa itu).
- **2006** - Suatu Majlis Penyelarasan Dasar PERMATA Negara ditubuhkan dan Jawatankuasa Kerja Dasar PERMATA Negara diwujudkan pada April 2006
- Kemudian, sebuah **Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan** (*National Child Development Research Centre - NCDRC*) ditubuhkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk menguruskan pembinaan Kurikulum PERMATA Negara. NCDRC dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan, menyediakan latihan kepada pendidik dan jurulatih PERMATA.
- **Pada Jun 2006**, Jemaah Menteri meluluskan dasar komprehensif dan holistic berhubung asuhan dan didikan awal kanak-kanak berlandaskan tema:

Setiap Anak PERMATA Negara

All Children are Precious

- Sekretariat ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri bagi membangun, memantap dan menyelaras dasar Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak yang dikenali sebagai **Program PERMATA Negara**.
- **Mei 2007** Projek Perintis PERMATA Negara dilaksanakan di lima buah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), iaitu di Putrajaya, Subang Jaya, Kepala Batas, Chini, dan Mempaga yang menggunakan Kurikulum PERMATA Negara.
- Projek rintis ini telah dijalankan selama 18 bulan dan hasil penemuannya telah dilaporkan dalam beberapa seminar dan seterusnya di bentangkan di Kabinet.

Hasil dapatan menunjukkan perkembangan kanak-kanak dari segi sahsiah, emosi, sosial dan intelek amat menyerlah dan lebih baik daripada kanak-kanak yang sebaya dengan mereka yang tidak mengikuti Program PERMATA Negara.

- Pada 24 Oktober, 2008 memperluaskan Program PERMATA diputuskan oleh Kerajaan dengan pelaksanaan di semua:
 - TASKA Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
 - TASKA Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN),
 - TASKA Tempat Kerja dan
 - TASKA Komuniti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan
 - TASKA Keluarga di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk perluasan Program PERMATA Negara di bawah agensi-agensi berkenaan.

- Pada 24 **Oktober 2008**, Jemaah Menteri Malaysia telah meluluskan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan untuk pelaksanaan Kurikulum PERMATA Negara (Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2008 [P.U.(A) 170/2008]) yang melibatkan
 - Kementerian Pelajaran,
 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
 - Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS),
 - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN),
 - Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (NCDRC),
 - Kementerian Kesihatan, dan Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA) di Jabatan Perdana Menteri
- Pada **2010**, satu penyelidikan yang menyeluruh telah dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Kurikulum dan Penyelidikan untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan Kurikulum PERMATA Negara oleh semua agensi yang terlibat.

Hasil Kajian:

- Kurikulum PERMATA Negara oleh pihak-pihak berkenaan telah dijalankan dengan efisien dan berkesan.
- Perkembangan kanak-kanak PERMATA melonjak lebih tinggi dengan menggunakan Kurikulum PERMATA Negara.

- Ibu bapa amat berpuas hati dengan perkembangan anak-anak mereka dan bersetuju bahawa Kurikulum PERMATA Negara adalah sebuah kurikulum yang berkualiti dan anak-anak mereka telah mendapat faedah yang sangat besar daripadanya.

[**sumber:** *Kurikulum PERMATA Negara, Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak 0-4 Tahun. Cetakan Ketiga, Januari 2013. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri. h: 14-16*]

Uji Kefahaman Anda

- Bilakah Kurikulum PERMATA dikonsepsikan?
- Nyatakan universiti yang dipertanggungjawab untuk gubal Kurikulum PERMATA dan menjalankan penyelidikan.
- Senaraikan agensi-agensi yang melaksanakan Kurikulum PERMATA di taska-taska mereka.

Uji Kefahaman Anda

- Apakah yang dimaksudkan dengan 'kurikulum'?
- Nyatakan mengapakah perkataan 'PERMATA' digunakan.

1.4 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Kita bermula dengan mengkaji Falsafah Kurikulum PERMATA Negara. Apakahkah falsafah? Perkataan Falsafah berasal daripada dua perkataan yang di gabungkan iaitu *philo* dan *sophia*. **Philo** bermaksud 'cinta dan suka' manakala **sophia** pula bermaksud 'hikmah (atau wisdom dalam Bahasa Inggeris)'. Jadi, falsafah membawa maksud 'sukakan hikmah/cintakan hikmah' (atau *love of wisdom*).

Terdapat ramai ahli-ahli falsafah seperti a-Farabi, Ibnu Sina, Vivekananda, Confucius, Socrates dan Plato yang telah memberi pandangan atau pegangan mereka tentang apakah 'falsafah pendidikan'. Pada tahun 1978, Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara yang dinyatakan seperti berikut:

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah usaha berteraskan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.




Matlamat pendidikan ialah ke arah melahirkan insan yang baik dan sempurna. Insan yang baik iani secara automatik menjadi warganegara Malaysia yang baik.

Berikut ialah huraian Falsafah Pendidikan Negara:

- **“Memperkembangkan Potensi Individu”** - Potensi ini ialah bakat dan kebolehan yang dimiliki oleh seseorang individu semenjak ia dilahirkan. Bakat dan kebolehan ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani dan emosi, dan jasmani yang merupakan anugerah Tuhan. Bakat-bakat ini perlu dicungkil, diperkembangkan dan dipertingkatkan secara berterusan.

- **“Menyeluruh dan Bersepadu”** - Kesemua bakat dan kebolehan yang ada pada diri individu hendaklah dikembangkan secara optimum. Pengembangan itu pula hendaklah dilakukan secara bergabung dan saling berkaitan di antara satu sama lain.



- **“Insan yang Seimbang dan Harmonis”** - Manusia yang memiliki sahsiah yang sepadu apabila semua potensi dirinya dikembangkan secara selaras, menyeluruh dan harmonis. Ia menjadi insan yang sentiasa bersyukur, bersedia menerima segala ujian dan cabaran hidup serta sentiasa berikhtiar untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan tenang. Oleh kerana itu ia dapat menikmati ketenteraman dan ketenangan jiwa. Keseimbangan dan kesejahteraan yang dimiliki bukan sahaja bermanfaat pada dirinya, malahan ia tercermin dalam hubungannya dengan orang lain, dengan alam sekitaran dan dengan Maha Pencipta. Perhubungan-perhubungan ini tidak dihadkan oleh batas sempadan negaranya sahaja, malah ia menjangkau ke peringkat dunia dan antarabangsa.
- **“Unsur Intelek”** - Unsur Intelek mengandungi aspek-aspek berikut:
 - hikmah iaitu ilmu yang boleh membawa kepada kemakmuran;
 - daya pemikiran yang kreatif dan inovatif;
 - daya pemikiran yang logik dan analitis;
 - ilmu yang bermanfaat.
- **“Unsur Rohani dan Emosi”** - Unsur-unsur rohani dan emosi merangkumi aspek-aspek berikut:
 - keyakinan terhadap Tuhan;
 - kepercayaan beragama;
 - kemantapan jiwa;
 - penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat;
 - berbudi pekerti mulia;
 - berbakti dan berkorban.

- **“Unsur Jasmani”** - Ciri-ciri unsur jasmani ialah :
 - kecergasan fizikal dan kesihatan diri;
 - dapat menggunakan anggota dan tenaga fizikal sendiri untuk
 - berdikari dan hidup bermasyarakat

Uji Kefahaman Anda


- a) Apakah dimaksudkan dengan ‘falsafah’?
- b) Jelaskan ‘perkembangan potensis individu’.
- c) Huraikan maksud ‘menyeluruh dan bersepadu/
- d) ‘Insan seimbang dan harmonis’. Jelaskan
- e) Apakah maksud ‘unsur intelek’?

1.5 Falsafah, Matlamat & Objektif Kurikulum PERMATA Negara

Kurikulum PERMATA Negara dibina berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai teras untuk memperkembangkan potensi individual kanak-kanak sebagai modal insan berkualiti tinggi melalui pendidikan awal kanak-kanak (Lihat Rajah 1.1). Tumpuan Kurikulum PERMATA ialah kanak-kanak berumur 0 hingga 4 tahun.

FALSAFAH KURIKULUM PERMATA NEGARA

Sejak lahir kanak-kanak sudah boleh diasuh dan dididik bagi mengembangkan sahsiah, potensi dan kecerdasan mereka agar dapat menguasai kemahiran berkomunikasi, awal literasi, awal matematik, pemikiran logik, dan pengetahuan asas tentang dunia persekitaran, disamping kemahiran mengurus diri dan amalan nilai-nilai murni agar menjadi individu yang bersahsiah mulia, berdikari, berintelek tinggi, patriotik, dan dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi moden dan persekitaran pelbagai budaya dalam negara dan antarabangsa. Usaha ini memerlukan komitmen dan kolaborasi antara pendidik, ibu bapa dan komuniti, kerana setiap kanak-kanak umpama PERMATA yang tidak ternilai harganya".



Rajah 1.1 Falsafah, Matlamat dan Objektif Kurikulum PERMATA

MATLAMAT KURIKULUM PERMATA NEGARA

Matlamat Kurikulum PERMATA Negara ialah untuk:

- Menyediakan program asuhan dan didikan awal yang bersepadu untuk kanak-kanak yang **berumur 0-4 tahun**.
- Menyediakan peluang kepada kanak-kanak bagi mendapat **pengalaman pembelajaran awal yang berkualiti**
- Melahirkan modal insan negara yang mempunyai

- sahsiah mulia, kerohanian yang mantap,
- kecerdasan intelek yang tinggi,
- menghargai kepelbagaian budaya, patriotik dan
- mengamalkan gaya hidup sihat.

OBJEKTIF KURIKULUM PERMATA NEGARA

adalah untuk menyediakan garis panduan kepada pendidik melaksanakan aktiviti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan iaitu:

- a) Membina **emosi, akhlak dan spiritual** kanak-kanak untuk melahirkan individu-individu yang bersahsiah mulia, tenang, ceria, bersopan santun, penyayang, berempati dan adil.
- b) Membina **kemahiran interpersonal dan sosial**, yang baik untuk membolehkan kanak-kanak bergaul dalam masyarakat pelbagai budaya.
- c) Membimbing kanak-kanak menguasai **kemahiran awal berbahasa**, berkomunikasi dan literasi dalam Bahasa Melayu, bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris.
- d) Mendidik kanak-kanak mengamalkan **pemakanan sihat, kebersihan dan keselamatan** diri dan gaya hidup sihat.
- e) Melatih kanak-kanak **mengurus diri sendiri** sehingga mereka yakin, mampu berdikari dan boleh membuat keputusan berdasarkan kebolehan diri.
- f) Membantu kanak-kanak mengembangkan **kemahiran motor kasar dan motor halus** serta perkembangan fizikal yang mapan.
- g) Membina kemahiran **awal matematik** dan **pemikiran logik** kanak-kanak serta keupayaan mereka menumpukan perhatian.
- h) Membimbing kanak-kanak **memahami dunia persekitaran** melalui aktiviti bermain, meneroka, mencuba idea baru, mengeksperimen dan mencipta, sama ada di dalam atau di luar kelas, menggunakan pelbagai bahan yang terdapat dalam persekitaran mereka.
- i) Membina **hubungan positif dengan ibu bapa**, komuniti dan pihak-pihak berkenaan yang boleh menyumbang kepada pendidikan dan kesejahteraan kanak-kanak.
- j) Menggalakkan **penglibatan dan hubungan yang teguh antara ibu bapa**, Kerajaan, pihak swasta dan juga badan bukan kerajaan serta kumpulan masyarakat setempat di dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak;
- k) Meningkatkan kesedaran awam terhadap keperluan memberikan pendidikan awal kanak-kanak dari lahir hingga ke 4 tahun sebagai asas utama pembangunan holistic mereka sebelum memasuki alam persekolahan formal; dan
- l) Memastikan pewujudan dan pelaksanaan sistem pemantauan dan penilaian keberkesanan program asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Uji Kefahaman Anda

- Nyatakan falsafah Kurikulum PERMATA
- Apakah matlamat Kurikulum PERMATA?
- Senaraikan objektif-objektif Kurikulum PERMATA.

1.6 Enam Hasil Pembelajaran Kurikulum PERMATA

Adalah menjadi hasrat sesuatu kurikulum untuk menghasil sesuatu dalam kalangan pelajar Kurikulum PERMATA direka bentuk untuk memperkembangkan ENAM aspek kanak-kanak berumur 0 hingga 4 tahun. Lihat Rajah 1.2 yang menunjukkan hasil pembelajaran yang ingin dicapai setelah mengikuti Kurikulum PERMATA.



Rajah 1.2 Enam Ciri-Ciri yang Ingin Diperkembangkan Dalam Kalangan

Kanak-Kanak Yang Mengikuti Kurikulum PERMATA

1. Perkembangan SAHSIAH, SOSIOEMOSI dan KEROHANIAN

Setelah mengikuti kurikulum PERMATA, kanak-kanak:

- dapat mengawal emosi mereka, dapat mengikut arahan, menunjukkan kelakuan yang beradap dan sopan, menghormati orang lain serta harta benda
- memiliki harga diri (self-esteem) yang tinggi, keyakinan diri serta berani
- dapat bercampur-gaul dengan kanak-kanak lain dan guru/pengasuh, berkongsi, bersimpati, berempati serta sifat tolong-menolong
- menunjukkan sifat beriman dan menaruh kepercayaan kepada Tuhan

2. Perkembangan BAHASA, KOMUNIKASI dan LITERASI AWAL

Setelah mengikuti kurikulum PERMATA, kanak-kanak:

- dapat berkomunikasi menggunakan bahasa yang baik dan bersantun
- berjaya menguasai literasi awal, tahu menggunakan buku dengan betul, mula membaca



3. Perkembangan FIZIKAL

Setelah mengikuti kurikulum PERMATA, kanak-kanak:

- menguasai kemahiran motor kasar dan kemahiran motor halus mengikut tahap perkembangan masing-masing
- dapat mengurus diri seperti makan, gosok gigi, mandi dan ke tandas
- dapat mengemas barang peribadi dan peralatan



4. Perkembangan AWAL MATEMATIK dan PEMIKIRAN LOGIK

Setelah mengikuti kurikulum PERMATA, kanak-kanak:

- menguasai kemahiran matematik awal seperti mengenal nombor dan corak serta dapat mengira dan mengukur
- dapat memberi sebab dan alasan secara logik



5. Perkembangan DERIA dan PEMAHAMAN DUNIA SEKITAR

Setelah mengikuti kurikulum PERMATA, kanak-kanak:

- dapat menggunakan kelima-lima deria untuk memahami persekitaran
- menunjukkan sifat suka bertanya, menyiasat, mencuba, mereka cipta dan menyelesaikan masalah

6. Perkembangan **DAYA KREATIF** dan **ESTETIKA**

Setelah mengikuti kurikulum **PERMATA**, kanak-kanak:

- boleh berimajinasi, mengeluarkan idea kreatif, melakar, menghasikan bunyi dan musik, menyanyi dan berlakon
- dapat menghayati keindahan dan kebersihan alam sekitar
- merasa kagum dengan hasil ciptaan mereka
- mengagumi ciptaan Tuhan

Uji Kefahaman Anda

- Huraikan ENAM aspek kanak-kanak yang ingin diperkembangkan dengan mengikuti Kurikulum **PERMATA**.
- Berikan contoh-contoh tertentu untuk setiap aspek perkembangan kanak-kanak

1.7 Nilai Murni Yang Ingin Disemaikan

Adalah menjadi hasrat Kurikulum **PERMATA** Negara kanak-kanak mempelajari nilai-nilai murni di **TASKA** dengan tujuan membentuk sahsiah mereka. Menjadi amalan kanak-kanak mempelajari nilai-nilai dengan meniru dan oleh demikian guru atau pengasuh hendaklah menjadi teladan atau model yang baik.



- **Kepercayaan kepada Tuhan (*Belief in God*)** - keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan-Nya,
- **Keyakinan Diri (*Confident*)**- kanak-kanak yakin melakukan sendiri sesuatu tugas tanpa bergantung kepada orang dewasa.

- **Baik Hati (*Good*)**- kanak-kanak mengambil berat terhadap perasaan orang lain dan boleh memaafkan orang lain.



- **Berani (*Brave*)** - kanak-kanak sanggup melakukan perkara yang mencabar seperti mencuba aktiviti baru, meneroka persekitaran baru, bertemu dengan orang baru dan menghadapi situasi yang biasanya menakutkan kanak-kanak (seperti tempat gelap, bunyi guruh, masuk ke tandas sendiri, dan sebagainya).

- **Rajin (*Hardworking*)** - kanak-kanak digalakkan tekun menyiapkan kerja yang diberikan dan berusaha melakukan sesuatu perkara secara berterusan.



- **Hormat (*Respect*)** - kanak-kanak diajar supaya hormat pada ibu bapa, pendidik, orang dewasa, rakan-rakan, adik-beradik dan sesiapa sahaja; juga rasa hormat pada bendera, lagu kebangsaan, peraturan, dan undang-undang.

- **Kasih Sayang (*Love*)** - kanak-kanak diajar supaya sayangkan diri sendiri, Tuhan, ibu bapa, ahli keluarga, kawan-kawan, pendidik, tumbuh-tumbuhan, haiwan, buku, alat permainan, harta awam, dan cintakan Negara.



- **Berbudi Bahasa (*Couteous*)** - kanak-kanak diajar supaya mengucapkan terima kasih, menjawab ucapan salam, meminta izin, bercakap dengan lemah lembut tanpa menjerit atau menyampuk, bercakap ikut giliran dan sebagainya.



- **Jujur (*Honest*)** - kanak-kanak diajar supaya bercakap benar, mengaku jika bersalah, dan membuat kerja tanpa mengharapkan upah atau balasan.
- **Daya Tahan (*Resilient*)** - kanak-kanak digalakkan untuk sentiasa mencuba, cekal dan tidak mudah berputus asa.

- Bertanggungjawab (**Responsible**) - kanak-kanak dipupuk rasa tanggungjawab terhadap diri, keluarga, rakan-rakan, barang kepunyaan dan alat mainan.

Nilai-nilai murni perlu diterapkan melalui aktiviti bermain dan rutin harian kanak-kanak. Pendidik digalakkan mempelbagaikan kaedah penerapan yang bersesuaian dengan nilai-nilai tersebut.

Uji Kefahaman Anda

- Jelaskan ciri-ciri kanak-kanak yang ingin dilahirkan melalui Kurikulum PERMATA.
- Nyatakan nilai-nilai murni yang ingin disemaikan melalui Kurikulum PERMATA.

1.8 Ciri-Ciri Anak PERMATA Negara



.....**Bersahsiah Mulia dan Patriotik**

- Baik akhlak dan tingkahlaku, sopan santun dan berperibadi luhur
- Dapat mengawal emosi, ceria, mesra, penyayang, berempati

- Mempunyai hubungan dan persahabatan dengan rakan dan guru atau pengasuh
- Beriman dan percaya kepada Tuhan
- Menghormati budaya dan identiti bangsa
- Sayangkan Negara

....Mahir Berkomunikasi

- Boleh berkomunikasi dalam pelbagai keadaan
- Menguasai ekspresi verbal dan bahasa reseptif
- Menunjukkan peningkatan dalam penguasaan literasi awal
- Mempunyai kemahiran berbual dan faham adab berbual
- Memahami Bahasa Inggeris mudah

....Kompeten Belajar

- Boleh memberi fokus dan perhatian semasa belajar
- Inkuisitif dan bermotivasi belajar
- Pandai membina jaringan
- Resilien

....Yakin, Berdikari dan Berjati Diri

- Mempunyai konsep sendiri positif
- Mampu mengurus diri
- Berani mencuba dan mengambil risiko

....Kreatif, Inovatif dan Berestetika

- Imaginatif dan suka merakipta
- Menyelesaikan masalah dengan kreatif
- Menghayati nilai seni dan keindahan
- Mengagumi karya dan ciptaan Tuhan

[**sumber:** Kurikulum PERMATA Negara, Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak 0-4 Tahun. Cetakan Ketiga, Januari 2013. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri. h: 12-13]

1.9 Keistimewaan Program PERMATA Negara

Pelaksanaan Program PERMATA adalah secara bersepadu (integrated) dengan penglibatan ibubapa, komuniti dan pelbagai agensi melalui pemberian pelbagai perkhidmatan termasuk kesihatan, pemakanan dan kaunseling. Program PERMATA bertujuan melahirkan kanak-kanak yang holistik dan seimbang, mempunyai akhlak dan sahsiah yang mulia, berintelektual tinggi, mahir berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, bijak bergaul dan sihat jasmani; dan suci rohani. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam Program PERMATA. Komitmen penglibatan aktif dan berterusan mereka dipastikan melalui satu akujanji bahawa mereka akan menyumbang.

Matlamat Program PERMATA adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai sosioemosi yang kukuh, harga-diri yang tinggi, berkeyakinan diri, dan budi pekerti yang mulia. Seterusnya, ia dapat menggalakkan kanak-kanak berkomunikasi, bergaul dalam masyarakat pelbagai budaya dan boleh berfikir secara logik dan menguasai matematik. Juga untuk meningkatkan minat kanak-kanak untuk ingin tahu, suka menyiasat dan meneroka, mengeksperimen, memberi tumpuan dan menyelesaikan masalah.

Kanak-kanak dapat mengenali potensi serta kebolehan diri sendiri dan bebas membuat keputusan berdasarkan potensi/kebolehan dirinya. Malah, kanak-kanak yang sihat dari segi fizikal dan mental serta berdipclin dalam menyusun atur kehidupannya, menghayati pentingnya kebersihan diri, dan mengurus diri sendiri dengan baik.

Berdasarkan tema, “pendidikan untuk semua” penyediaan perkhidmatan kepada kanak-kanak berkeperluan khas adalah penting, termasuklah program intervensi awal untuk kanak-kanak. Ini adalah supaya hak untuk mendapat peluang pendidikan atau perkhidmatan yang sama rata terjamin.

Perkataan Penting

Kurikulum	Hubungan positif	Nilai murni
PERMATA	Berjati diri	Baik hati
Lagu PERMATA	Sosioemosi	Inovatif
Tiga Tahun Pertama	Sahsiah	Daya kreatif
Falsafah Pendidikan	Matlamat Kurikulum	Objektif Kurikulum
Kebangsaan	PERMATA	PERMATA
Potensi individu	Daya kreatif	Berbudi bahasa
Menyeluruh	Deria	Unsur intelek
Bersepadu	Perkembangan fizikal	Literasi awal
Unsur rohani	Dunia sekitar	Insan seimbang
Mengurus diri sendiri	Matematik awal	Kemahiran interpersonal
Pemikiran logik	Komunikasi	Ciri-ciri anak PERMATA

Rujukan:

- Kurikulum PERMATA Negara, Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak 0-4 Tahun. Cetakan Ketiga,. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri. 2013
- Kursus Asuhan & Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA NEGARA. Modul Pendidikan/Pengasuh. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri. 2013.